



TITAH DIRAJA

SEMPENA

MAJLIS BERBUKA PUASA

PADA

**30 MEI 2019 [KHAMIS]
BERSAMAAN 25 RAMADHAN 1440 HIJRAH**

BERTEMPAT DI

**MASJID NEGERI SULTAN AHMAD 1
KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام
على اشرف الانبياء والمرسلين
وعلى اله وصحبه اجمعين
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATAALA KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA-NYA, SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG DIBERI KESEMPATAN UNTUK BERBUKA BERSAMA-SAMA RAKYAT SEMUA DALAM SUASANA YANG PENUH MUHIBBAH, AMAN DAN HARMONI.

BIARPUN HARI INI, SAYA MEMIKUL AMANAH SELAKU YANG DIPERTUAN AGONG, NAMUN NEGERI PAHANG DAN RAKYAT PAHANG SENTIASA DEKAT DIHATI SAYA.

KERANA ITU, SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG MERASA SANGAT GEMBIRA APABILA DIBERIKAN PELUANG UNTUK BERSAMA RAKYAT PAHANG DALAM SATU MAJLIS YANG CUKUP BESAR ERTINYA KEPADA SAYA.

SESUNGGUHNYA, MAJLIS SEPERTI INI MERUPAKAN AMALAN DALAM KELUARGA SAYA SEJAK BERTAHUN-TAHUN LAMANYA YANG TELAH DITERAPKAN OLEH ALMARHUM PADUKA AYAHANDA SAYA. IANYA MENJADI SATU PRINSIP YANG MENGUKUHKAN IKATAN TALI SILATURAHIM DIANTARA PEMERINTAH DENGAN RAKYAT.

DENGAN ADANYA MAJLIS SEPERTI INI, IA DAPAT MERAPATKAN LAGI HUBUNGAN DIANTARA RAJA DAN RAKYAT, SESUAI DENGAN SLOGAN YANG MENJADI LANDASAN PEMERINTAHAN ALMARHUM PADUKA AYAHANDA, IAITU: "RAJA DAN RAKYAT BERPISAH TIADA".

JUSTERU, SAYA AKAN MENERUSKAN LEGASI PENINGGALAN ALMARHUM PADUKA AYAHANDA SAYA. BAGAIMANA BERTAUTNYA AUR DENGAN TEBING; BEGITULAH ERATNYA HUBUNGAN SAYA DENGAN RAKYAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.

MAJLIS BERBUKA PUASA PADA HARI INI JUGA TURUT DISERIKAN DENGAN MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN OLEH BADAN KORPORAT YANG BERJUMLAH 9.4 JUTA RINGGIT.

ZAKAT PERNIAGAAN ADALAH MERUPAKAN SUATU TANGGUNGJAWAB YANG WAJIB DITUNAIKAN KE ATAS MEREKA YANG TELAH MEMENUHI SYARAT-SYARAT YANG DITETAPKAN. ALLAH SUBHANAHU WATAALA BERFIRMAN DALAM SURAH AL-BAQARAH AYAT KE-267 YANG BERMAKSUD:

“WAHAI ORANG-ORANG BERIMAN; KELUARKAN ZAKAT SEBAHAGIAN DARIPADA HASIL USAHA KAMU YANG BAIK-BAIK DAN SEBAHAGIAN DARI APA YANG KAMI KELUARKAN DARI BUMI UNTUK KAMU.”

ANTARA HIKMAH ZAKAT ADALAH UNTUK MENGURANGKAN GOLONGAN FAKIR DAN MISKIN DISAMPING UNTUK MERAPATKAN LAGI JURANG PERBEZAAN DI ANTARA GOLONGAN BERADA DENGAN MEREKA YANG KURANG BERNASIB BAIK.

OLEH ITU, SAYA INGIN MERAKAMKAN TERIMA KASIH KEPADA SYARIKAT YANG BAKAL MENYERAHKAN ZAKAT PADA PETANG INI DAN KEPADA SEMUA SYARIKAT YANG TELAH MEMBAYAR ZAKAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG SAYA KASIHI SEKALIAN.

IZINKAN SAYA UNTUK MERAKAMKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA PIHAK YANG TELAH MENJAYAKAN MAJLIS KITA PADA PETANG DI BULAN RAMADHAN YANG PENUH KEBERKATAN INI.

BERSEMPENA DENGAN KEDATANGAN BULAN SYAWAL YANG TIDAK BERAPA LAMA LAGI; SAYA INGIN BERPESAN AGAR RAKYAT SEKALIAN UNTUK BERBELANJA DENGAN BERHEMAH DAN MENGELAKKAN PEMBAZIRAN. KEPADA YANG AKAN MEMANDU PULANG KE KAMPUNG HALAMAN; MEMANDULAH DENGAN CERMAT DAN SENTIASA MEMATUHI UNDANG-UNDANG.

SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG BERDOA AGAR SEKALIAN RAKYAT AKAN DAPAT MENYAMBUT HARI RAYA TAHUN INI DENGAN PENUH KERIANGAN DAN SELAMAT SAMPAI KE DESTINASI YANG INGIN DITUJU.

MENGAKHIRI TITAH; SAYA DAN RAJA PERMAISURI AGONG INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH KEPADA SEMUA RAKYAT YANG TIDAK PUTUS-PUTUS MENZAHIRKAN UCAPAN TAKZIAH DI ATAS KEMANGKATAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA ALMARHUM PADUKA AYAHANDA SAYA PADA 22 MEI 2019 YANG LALU.

ALMARHUM ADALAH UMPAMA BINTANG; MENJADI TEMPAT RAKYAT MENUPIANG CAHAYA. ALMARHUM JUGA UMPAMA POHON; MENJADI TEMPAT RAKYAT MENUPIANG TEDUH. KEHILANGAN ALMARHUM SUKAR DICARI GANTI.

SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WATAALA MENGURNIAKAN GANJARAN JANNAH SYURGA FIRDAUSI BUAT ALMARHUM DAN SEMOGA SEGALA JASA ALMARHUM MENJADI SUMBANGAN JARIAH YANG KEKAL MENGALIR BUAT ALMARHUM DI ALAM YANG KEKAL ABADI DI SANA.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته